

Pemimpin Pemuda BN diarah kemas jentera

UM - 7 NOV 2003

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Semua pemimpin Pemuda Barisan Nasional (BN) diarah mengemaskini jentera parti sebagai persiapan menghadapi pilihan raya yang akan diadakan tidak lama lagi.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, Pemuda UMNO mendapati jentera parti di kedua-dua peringkat tersebut masih perlu ditingkatkan lagi.

“Kita harap dengan persiapan rapi itu, ia akan memudahkan jentera Pemuda BN bergerak sebagai satu pasukan bagi memastikan parti mencapai kemenangan besar,” katanya.

Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda UMNO memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda UMNO di Menara Datuk Onn di sini hari ini. Katanya, Pemuda UM-

NO juga bersyukur kerana peralihan kuasa daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang baru pada 31 Oktober lalu berjalan lancar.

Tegas beliau, Pergerakan Pemuda UMNO berikrar untuk memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Abdullah bagi menterjemahkan perjuangan parti dengan lebih berke-

san di semua peringkat termasuk dalam usaha memerangi rasuah.

Mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri, Hishammuddin berkata, pergerakan itu akan menyokong sesiapa sahaja yang dilantik.

Beliau juga berkata, pergerakannya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada jasa dan kepimpinan Dr. Mahathir kepada parti, agama, bangsa dan negara.